

PROSIDING

SEMINAR INTERNASIONAL PENDIDIKAN SERANTAU KE-6 *6th International Seminar on Regional Education* UKM-UR2013

Kualiti dan Kecemerlangan dalam Pendidikan

22 & 23 Mei 2013

**Dewan Rafflesia, NIOSH,
Bandar Baru Bangi, Selangor**

Anjuran:

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia &
Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Riau

Dengan Kerjasama:

Universiti Malaya

Universitas Negeri Yogyakarta

Universitas Pendidikan Indonesia

Universitas Negeri Padang

Universitas Eka Sakti Padang

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

PROCEEDINGS OF

Seminar Internasional Pendidikan Serantau Ke-6
6th International Seminar On Regional Education
UKM-UR2013

Hak Cipta Terpelihara

Tidak di benarkan ulang mana-mana bahagian artikel/bab/ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juabentuk dan dengan cara apapun sama ada elektronik, fotokopi, kekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat keizinan bertulis dari Urusetia Seminar International Pendidikan Serantau ke-6, UKM-UR2013, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia
Cataloguing-in-Publication Data

ISBN: 978-983-2267-54-6

1. Education
2. Abdul Razak Ahmad
3. Norlena Salamuddin

Type Setting: Mansor Ab. Samad

Text Type: Arial, Times New Roman

Font Size:11pt, 12pt, 16pt

Sidang editor:

Dr. Norlena Salamuddin

Dr. Mohd. Mahzan Awang

Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Razaq Ahmad

Dr. Mohd Taib Harun

Jamalul Lail Abdul Wahab

KATA PENGANTAR DEKAN

Prosiding ini mengumpulkan artikel ilmiah yang dibentangkan di Seminar Internasional Pendidikan Serantau Kali Ke-6 2013 yang diadakan di NIOSH Bangi Malaysia pada 22 dan 23 Mei 2013. Seminar ini dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP), Universitas Riau (UR) dengan kerjasama daripada enam buah universiti, iaitu Universiti Malaya, Universitas Negeri Yogyakarta, Universitas Pendidikan Indonesia, Universitas Negeri Padang, Universitas Eka Sakti Padang dan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan. Penglibatan pelbagai universiti dari tiga negara serantau dalam satu seminar yang besar ini merupakan satu sejarah di peringkat fakulti. Justeru, kerjasama sinergi sebegini perlu diteruskan demi kemajuan pendidikan serantau.

Setiap negara, baik di Malaysia mahupun di Indonesia dan Brunei Darussalam, aspek kualiti pendidikan amat diberi penekanan. Kementerian Pelajaran Malaysia misalnya telah merangka suatu pelan yang dinamakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. PPPM ini dirangka sebaik mungkin dengan antara objektif lainnya adalah untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dalam akademik dan juga sahsiahnya. Demikian juga di negara Brunei Darussalam. Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 atau SPN 21 juga antara lain bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan supaya setanding dengan negara-negara maju. Di negara Indonesia, Sistem Pendidikan Berbasiskan Sekolah juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan pelajar di seluruh Indonesia. Justeru, tidak dapat dinafikan lagi bahawa kualiti pendidikan adalah prioriti kepada semua negara serantau.

Saya merakamkan berbanyak terima kasih kepada ucaptama sesi plenari, Prof. Dr. Farida Hanum (Universitas Negeri Yogjakarta), Prof. Dr. Ashaluddin Jalil (Universitas Negeri Riau), Prof. Dr. Sharial Bachtiar (Universitas Negeri Padang), Prof. Dr. Amin Embi (Universiti Kebangsaan Malaysia), Prof. Dato' Dr. Hussein Ahmad (Universiti Malaya), Prof. Dr. Ahmad Dardiri (Universitas Negeri Yogjakarta), Prof. Dr. Adang Suherman (Universitas Pendidikan Indonesia), dan Dr. Abdullah Awang Ampoh (Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan). Mereka adalah pakar pendidikan di rantau ini yang berperanan penting dalam mewarnai corak dan sistem pendidikan serantau. Penghargaan juga ditujukan kepada pengerusi sesi plenari, Prof. Madya Dr. Wan Hasmah Wan Mat (Universiti Malaya) dan Prof. Dr. Zuria Mahmud (Universiti Kebangsaan Malaysia).

Harapan saya agar kompilasi artikel dalam prosiding ini dapat menjadi sebahagian rujukan utama kepada ahli akademik, guru-guru, pembuat dasar dan juga masyarakat awam. Terima kasih.

Prof. Dr. Lilia Halim
Dekan Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

KATA PENGANTAR EDITOR

Prosiding yang terhasil daripada kompilasi artikel sempena Seminar Internasional Pendidikan Serantau Kali Ke-6 2013 yang diadakan di NIOSH Bangi Malaysia pada 22 dan 23 Mei 2013 telah mencatat sejarah kerana telah berjaya mengumpulkan hampir 400 artikel ilmiah. Sebahagian besarnya adalah kertas kerja yang berasaskan penyelidikan. Kompilasi artikel dalam prosiding menghimpunkan ilmu dan hasil penyelidikan daripada pelbagai perspektif dan negara. Seminar yang bertemakan 'Kualiti dan Kecemerlangan dalam Pendidikan' telah mengumpulkan artikel-artikel pendidikan dalam sub-topik berikut: inovasi pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan dan pengurusan, kesejahteraan komuniti dan modal insan (karakter bangsa), teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan, penyelidikan pendidikan, kurikulum dan pedagogi, bahasa dan budaya, pengukuran dan penilaian, perkembangan profesional, pembelajaran sepanjang hayat, polisi dan dasar dalam pendidikan, isu-isu pendidikan dan amalan dalam pendidikan.

Prosiding ini amat penting dijadikan rujukan kerana ia mengumpulkan idea dan hasil penyelidikan dari pelbagai negara serantau. Artikel dari pelbagai negara dalam prosiding ini menjadikan isu kualiti dan kecemerlangan pendidikan dilihat dari pelbagai perspektif. Justeru prosiding ini mempunyai nilai yang tersendiri. Sidang editor berharap agar kompilasi artikel dalam prosiding ini dapat dijadikan rujukan dan boleh dimanfaatkan sama ada untuk rujukan ilmiah, ataupun perbincangan akademik ataupun bacaan umum.

Sidang editor:

Dr. Norlena Salamuddin

Dr. Mohd. Mahzan Awang

Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Razaq Ahmad

Dr. Mohd Taib Harun

Jamalul Lail Abdul Wahab